



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2545  
Faks: 03-8889 5542  
Emel: anhisham@moh.gov.my

Ruj.Tuan:  
Ruj.Kami: KKM.600-28/2/2 Jld. 2 ( 44 )  
Tarikh: 26 April 2018

## SEPERTI SENARAI EDARAN

*yBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,*

### **PENGUKUHAN PELAKSANAAN *PERIOPERATIVE MORTALITY REVIEW* (POMR) BAGI HOSPITAL BERPAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana maklum, *Perioperative Mortality Review* (POMR) telah dilaksanakan di Hospital-hospital Berpakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 1990 lagi yang diterajui oleh Bahagian Perkembangan Perubatan dan ia merupakan salah satu aktiviti Audit Kebangsaan yang dijalankan oleh Pakar-pakar Perubatan yang telah dilantik khusus oleh pihak Kementerian. Ianya adalah bertujuan untuk memastikan kualiti perkhidmatan pembedahan dan penjagaan perawatan pesakit yang menyeluruh mengikut piawaian yang telah digariskan oleh KKM. Di samping itu, ia juga bagi mengenal pasti kekangan yang dihadapi dalam penjagaan pesakit pembedahan agar langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan dapat dilaksanakan.

3. Sehubungan itu, dalam usaha mengukuhkan POMR di hospital-hospital berpakar KKM, Pengarah Kesihatan Negeri dipohon agar memastikan setiap Jabatan Kesihatan Negeri membentuk satu Jawatankuasa POMR di peringkat negeri dan ianya turut dibentuk di peringkat hospital, iaitu bagi setiap hospital berpakar (rujuk Lampiran 1). Ini adalah penting bagi memastikan penglibatan semua pihak dalam pelaksanaan POMR terutamanya dari aspek pelaporan vPOMR. Jawatankuasa negeri dan hospital yang akan dibentuk ini hendaklah turut


memastikan pelaporan vPOMR memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam menjamin kelangsungan POMR di peringkat kebangsaan (rujuk Lampiran 2).

4. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Datuk / Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan Penyelaras POMR di Unit Audit Klinikal, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan (u.p **Dr. Faizah bt Muhamad Zin/ Dr. Paa Mohamed Nazir/ Dr. Anith Shazwani bt Adnan**) di talian **03-88831210/ 1180/ 1197**; atau **e-mel: cau.mdd@moh.gov.my**. Semoga dengan pengukuhan POMR ini, pesakit memperoleh manfaat yang sewajarnya dan berterusan dalam usaha kita memastikan penyampaian penjagaan kesihatan yang berkualiti pada setiap masa. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*Yang Ikhlas,*



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah  
Institut Kanser Negara